

**UCAPAN PRESIDEN MSIA 2022/2023 SEMPENA MESYUARAT AGONG
TAHUNAN KE-17 bertarikh 11 Jun 2022**

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera. Y.Bhg Puan Sri, Datuk-datuk, Datin-datin, Profesor-profesor, Dr-dr, Tuan-tuan, Puan-puan Ahli Pertubuhan Penilaian Impak Sosial Malaysia yang dihormati. Dengan penuh sukacita saya sebagai Presiden Pertubuhan MSIA mengalu-alukan kehadiran semua secara hybrid ke Mesyuarat Agung Pertubuhan kita kali ke-17. Mesyuarat agung pada hari ini mencatatkan berakhirnya tahun pertama perkhidmatan Jawatankuasa Eksekutif Pertubuhan MSIA sesi 2021/2023. Syukur dipanjatkan juga kepada Allah Subhanawataala, Rabbul izzati kerana keadaan negara telah memasuki fasa endemik dan hari ini, dengan izinNya kita dapat bersama-sama di dalam dewan yang indah ini, untuk menyelaraskan semula dan memacu perjalanan pertubuhan kita bagi tahun yang kedua.	U c a p a n syukur dan terima kasih kepada hadirin
Dengan penuh sukacita saya sebagai Presiden Pertubuhan MSIA mengalu-alukan kehadiran semua secara hybrid ke Mesyuarat Agung Pertubuhan kita kali ke-17. MSIA ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Dr Alias bin Rameli, KP PLANMalaysia di atas kesudian beliau untuk merasmikan mesyuarat agong dan ucaptama pada pagi ini.	U c a p a n terimakasih ke atas kehadiran Dr Alias KP PLANMalaysia
Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan selamat datang kepada ahli-ahli pertubuhan MSIA yang baharu.	
Kualiti tuan puan membawa perlambangan kepada kualiti pertubuhan. Untuk itu, MSIA dan ahli-ahlinya hendaklah pada setiap masa memastikan tiada kompromi dalam aspek kualiti perkhidmatan. Saya juga mengalu-alukan penglibatan tuan puan bukan hanya untuk menyertai program-program kami malah menawarkan diri berkongsi ilmu dan kemahiran kepada semua. Ahli MSIA harus melibatkan diri secara aktif sebagai perunding dan penilai dalam projek SIA selain terus menghadiri latihan untuk menempatkan diri sebagai ahli profesional SIA yang berpengetahuan, berkemahiran dan kompeten, tepat dengan keperluan dan perkembangan terkini.	Sasaran kualiti perkhidmatan ahli MISA

Misi perjuangan pertubuhan sejak penubuhan adalah tetap sama iaitu untuk MENJAGA KESEJAHTERAAN KOMUNITI. Hanya sekiranya pertubuhan diperkasa, barulah kehadiran kita akan dirasakan dan usaha murni kita menjaga kesejahteraan komuniti akan dapat dilaksanakan. MSIA harus terus dipacu sebagai satu pertubuhan peneraju profesionalisme SIA yang disegani dan menjadi titik rujukan penting pembuatan dasar dan strategi. Pertubuhan harus terus menjadi medium utama memperkasakan praktis penilaian impak sosial dalam pembuatan dasar, program dan projek di negara kita. Kesedaran tentang kepentingan kajian SIA yang lebih baik di kalangan orang awam dan kemahiran lebih mendalam tentang praktis penyediaan, penilaian dan pemantauan SIA di kalangan perunding dan pembuat keputusan adalah penting untuk meletakkan SIA di kedudukan yang wajar sebagai satu alat pembuatan keputusan dalam proses perancangan di negara ini. Dalam setahun yang lepas, kita telah melihat minat untuk mendalami SIA di sektor perladangan. Kita sudah pun melihat lebih banya permohonan untuk menjddi ahli dari mereka dalam sektor perladangan. Saya melihat satu hari nanti, SIA akan berjaya diarusperdanakan oleh semua sektor pembuatan keputusan termasuk dalam sektor hartanah, perladangan dan perhutanan, diterima baik oleh ahli masyarakat sebagai satu dari langkah penting mencapai pembentukan KOMUNITI INKLUSIF DAN BERDAYA HUNI, sejahtera dan mampan. SIA bukan hanya milik kita tetapi milik semua.	Tujuan dan misi MSIA
<i>Y.Bhg Datuk-datuk, Datin-datin, Profesor-profesor, Dr-dr, Tuan-tuan dan Puan-puan,</i>	
Saya tidak ingin mengambil masa tuan-tuan untuk bercerita tentang pencapaian kita sepanjang 2021-2022 kerana ia akan dibentangkan dalam Laporan Tahunan kita sebentar nanti. Saya juga ingin memberi masa yang lebih panjang kepada jemputan kehormat kita, Dr KP PLANMalaysia Dr Alias yang juga ahli pertubuhan kita untuk memberi <i>insights</i> beliau kepada kita sebentar nanti. MSIA bangga melihat pencapaian-pencapaian Dr Alias dalam tempoh yang singkat Dr menjadi KP. MSIA akan terus memberi sokongan yang Dr harapkan.	Pencapaian 2022-2023

Saya juga percaya, sepanjang saya berkhidmat sebagai Presiden tuan/puan, saya telah meletakkan sasaran tinggi kepada projek dan program kita. Sebahagian telah berjaya dilaksanakan dan sebahagiannya masih memerlukan sokongan dan dokongan tuan puan untuk kita merealisasikan. Sekalung penghargaan kepada barisan Exco MSIA 2021/2023 di atas kerjasama erat, sumbangan idea dan komitmen di dalam aktiviti-aktiviti MSIA. Terima kasih saya juga kepada beberapa ahli yang telah turut serta dalam Jawatankuasa-jawatankuasa MSIA. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya lafazkan kepada ahli-ahli yang telah mewakili MSIA sebagai panel penilai laporan SIA 1, 2 dan 3.	Sumbangan dan komitmen ahli EXCO
Kita juga mensasarkan kerjasama erat berterusan di antara MSIA dan PLANMalaysia, serta jabatan dan agensi kerajaan di semua peringkat kerajaan, termasuk di Sabah dan Sarawak. Kerjasama menang-menang juga di susun bersama institusi-institusi pengajian tinggi dan institusi kemahiran untuk meneruskan usaha memperkasakan pengetahuan dan kemahiran ahli dan masyarakat Malaysia.	Hubungan MSIA dengan jabatan dan agensi
Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan selamat datang kepada ahli-ahli pertubuhan MSIA yang baharu. Setiap seorang tuan puan adalah aset pertubuhan. Kualiti tuan puan membawa perlambangan kepada kualiti pertubuhan. Untuk itu, MSIA dan ahli-ahlinya hendaklah pada setiap masa memastikan tiada kompromi dalam aspek kualiti perkhidmatan. Saya juga mengalu-alukan penglibatan tuan puan bukan hanya untuk menyertai program-program kami malah menawarkan diri berkongsi ilmu dan kemahiran kepada semua. Ahli MSIA harus melibatkan diri secara aktif sebagai perunding dan penilai dalam projek SIA selain terus menghadiri latihan untuk menempatkan diri sebagai ahli profesional SIA yang berpengetahuan, berkemahiran dan kompeten, tepat dengan keperluan dan perkembangan terkini.	Sasaran kualiti perkhidmatan ahli MISA
<i>Y.Bhg Datuk-datuk, Datin-datin, Profesor-profesor, Dr-dr, Tuan-tuan dan Puan-puan,</i>	
Dengan kepimpinan PLANMalaysia yang baharu yang diketuai oleh Dr KP, Dr Alias, kita dapat melihat bagaimana SIA diangkat ke persada yang lebih tinggi. Dalam usaha ke arah amalan profesionalisme SIA, program kursus kompetensi telah digerakkan oleh PLANMalaysia untuk menyediakan satu medium bagi menapis ahli profesional di bidang SIA yang layak mengemukakan laporan SIA untuk projek pembangunan kepada PLANMalaysia. Kita di MSIA mengalu-alukan langkah tersusun ini dan akan turut sama menjayakannya.	SIA untuk projek pembangunan

Di bidang perladangan juga, keperluan memperkasakan SIA memerlukan MSIA memberi sokongan penuh kepada ahli-ahli penilai SIA untuk membentuk satu pergerakan tersusun supaya pembangunan ekonomi negara yang rancak ini dapat diurus, dengan perhatian diberi kepada keperluan dan harapan komuniti dan pihak berkepentingan. Dalam setahun akan datang ini, MSIA akan bertemu dengan beberapa agensi untuk bersama menjayakan hasrat pertubuhan kita dalam menyumbang kepada pembangunan secara terancang dan berasas. Kita bersedia bekerjasama dengan semua pihak bagi memastikan SIA akan terus diurusperdanakan.	SIA untuk projek perladangan dan lain-lain
Satu tahun berbaki bukannya lama. Permintaan-permintaan ahli untuk bengkel, kursus-kursus dan program-program semakin meningkat. Kami akan kekal fokus dalam melaksanakan amanah dan harapan ini. Kekuatan kita terletak di bahu kita semua. Namun tiada kekuatan melainkan dengan izinNya, Tuhan penguasa sekalian alam.	Meneruskan Program.
Dengan izin Allah Azawajalla, pencipta seluruh alam, saya mengakhiri ucapan aluan saya untuk Mesyuarat Agung kali ke-17, Pertubuhan Penilaian Impak Sosial Malaysia pada hari ini. Semoga Allah bersama kita semua. Assalamualaikum wbt. Sekian, terima kasih.	Akhir ucapan
TPr Herlina bt Ab. Aziz, Presiden MSIA 2022/2023	